

13/08/1998

Kementerian majukan agensi pertanian

Mutazar Abd Ghani

PERTANIAN adalah sektor strategik dalam ekonomi negara kerana ia bukan sahaja menyumbang dengan ketara dari segi gunatenggara dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), malah mampu menjana hasil eksport dan tukaran asing kepada negara.

Selain itu, sektor pertanian yang membabitkan kegiatan seperti tanaman, penternakan dan perikanan juga dijangka terus memainkan fungsi penting dari segi menampung keperluan masyarakat luar bandar dan desa.

Menyedari kepentingan sektor pertanian kepada ekonomi negara, Kementerian Pertanian yang dipertanggungjawabkan untuk menyalaras dan memacu perkembangan sektor ini melaksanakan pelbagai program dan perancangan, termasuk menubuh pelbagai pelaksana agensi khusus di bawahnya.

Agensi terbabit termasuk Lembaga Padi dan Beras Negara (sekarang Bernas), Institut Penyelidikan dan Pembangunan Malaysia (Mardi), Lembaga Pemasaran dan Pertanian Persekutuan (Fama), Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Perikanan dan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP), yang mempunyai fungsi masing-masing ke arah memastikan matlamat pertanian nasional tercapai.

Jabatan Perkhidmatan Haiwan misalnya mengkhusus kepada industri ternakan, Jabatan Perikanan (hasil pertanian dan akuakultur), Fama (pemasaran hasil pertanian), Mardi (memajukan penggunaan teknologi) manakala Lembaga Pertubuhan Peladang Kawasan memberi perhatian kegiatan ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Dalam memastikan hasil pertanian yang dihasilkan mendapat pasaran, Fama mempunyai bahagian pemasaran dan perdagangan hasil pertanian yang membuat tinjauan dan perancangan strategik pasaran dalam dan luar negara. Langkah seumpama itu penting agar setiap hasil pertanian dapat dipasarkan secara berkesan dan sistematik.

Menyedari kepentingan fungsi Fama, baru-baru ini Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian, Datuk Annuar Maaruf, meminta semua jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan pertanian, berbincang dan memaklumkan Fama mengenai sayur-sayuran yang mereka ingin usahakan.

Langkah itu perlu supaya Fama dapat mengatur dan merancang semua tanaman yang diusahakan oleh PPK, Jabatan Pertanian, Jabatan Belia dan Sukan serta badan bukan kerajaan (NGO) untuk dipasarkan.

"Sayur-sayuran adalah tanaman yang mudah rosak sama ada ketika penanaman atau selepas tuai yang mana jika tidak dirancang, akan meningkatkan lagi peratusan kerosakan. Harga sayur juga adalah masalah utama yang harus diperbincang kerana harga di pasaran tidak menentu, dan yang penting, Fama perlu dimaklumi sebelum mengusahakan sebarang tanaman sayur-sayuran itu."

"Jabatan Pertanian, PPK dan Fama perlu membincangkan projek tanaman yang ingin diusahakan supaya tidak timbul masalah harga terlalu rendah dan sukar untuk dipasarkan," katanya.

Menteri Pertanian, Datuk Sulaiman Daud, juga berkata baru-baru ini juga berkata Fama menjalankan kajian bagi menilai potensi mengimport biji gajus dan jagung dari Mozambique untuk diproses semula di negara ini.

Di peringkat antarabangsa pula, Menteri Pertanian, Datuk Sulaiman Daud, baru-baru ini menyatakan Fama akan menilai potensi import biji gajus dan jagung dari negara Afrika itu untuk diproses semula bagi kegunaan dalam negara atau dieksport semula dalam bentuk makanan siap.

Menurutnya, kajian Fama itu selaras dengan seruan Perdana Menteri, Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meminta usahawan Malaysia membuat pelaburan jangka panjang di Mozambique dalam sektor pertanian, janakuasa, infrastruktur, perlombongan dan penerokaan hutan asli.

Beliau berkata, Fama akan mengkaji kos pemprosesan semula biji gajus bagi memastikan ia lebih berbaloi berbanding mengimport biji gajus siap diproses.

"Kita akan membuat penilaian bagi memastikan pemprosesan biji gajus dan jagung di negara ini dengan kos efektif," katanya.

Dalam bidang pemasaran Fama turut terbabit dalam kegiatan Pasar Tani dan Pengarah kanan Fama, Tang Loon Boon, baru-baru ini berkata lembaga itu bersedia melipatgandakan usaha bagi melahirkan lebih ramai usahawan terutama untuk mengendalikan perniagaan Desaraya.

(END)